

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA MELAKA  
CAWANGAN MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
GARDENING CONSULTANCY**

**DISEDIAKAN OLEH:**  
**ZANARIAH ALI**  
**YUSAINI YAHYA**  
**NAZARUL MUSTAFFA**  
**RAFIDAH MOHD. SHAH**  
**MUNDAYU MOHD. MUNIRAN**

**DISEDIAKAN UNTUK:**  
**EN. ABDUL HAMEED BIN MOHD. MYDEEN**  
**PENSYARAH ETR 300**

**SEMESTER NOV-MAC 1998**

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Surat autoriti	i
Sekapur sireh	v
Penghargaan	vi
Logo	viii
Ulasan logo	ix
1.0 Pengenalan	1
2.0 Tujuan	3
3.0 Latar belakang perusahaan	5
4.0 Latar belakang pemilik	6
5.0 Latar belakang projek	10
6.0 Cadangan Rancangan Organisasi	
6.1 Matlamat dan strategi	12
6.2 Struktur dan carta	14
6.3 Senarai kakitangan	16
6.4 Senarai jawatan	17
6.5 Imbuhan balas jasa dan insentif	20
6.6 Perancangan keperluan & susunatur pejabat	23
6.7 Belanjawan	25
7.0 Cadangan Rancangan Operasi	
7.1 Fungsi operasi	26
7.2 Matlamat operasi	27
7.3 Kepentingan operasi	27
7.4 Jenis operasi	28
7.5 Carta aliran operasi	29
7.6 Belanjawan operasi	36



**INSTITUT TEKNOLOGI MARA**  
**CAWANGAN MELAKA**  
**MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY**

Tarikh:

Surat Tuan:

Surat Kami:

**28hb. November 1997**

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963      **06-5591067**

**KEPADА SESIAPА YANG BERKENAAN**

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<b><u>Bil</u></b>	<b><u>Nama Pelajar</u></b>	<b><u>No. ITM</u></b>
1.	Nazarul Mustafa	95514756
2.	Yusaini Yahya	95215982
3.	Mundayu Mohd Muniran	95484744
4.	Zanariah Ali	95485971
5.	Rafidah Mohd Shah	95279515

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**ROZALLI HASHIM**  
Ketua Kursus DPA  
ITM Melaka.  
b/p Provos

## **1.0 PENGENALAN**

Dewasa ini, kepesatan pembangunan telah mengakibatkan orang ramai berpindah ke bandar dan mempunyai rumah sendiri. Oleh itu banyak rumah-rumah dibina untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk mereka. Namun bukan rumah baru sahaja yang disyorkan untuk diindahkan tetapi rumah-rumah yang telah diduduki selama bertahun-tahun juga perlu dicantikkan. Kegawatan di tempat kerja, kepenatan, kekusutan dan masalah di tempat kerja atau harian dapat dihilangkan dengan menikmati udara segar serta pemandangan cantik di rumah sendiri. Justeru itulah kami mencadangkan agar satu perniagaan yang berkonsepkan bunga dan tumbuhan iaitu **Gardening Consultancy** ditubuhkan untuk menekankan perihal pentingnya kedamaian dan keindahan sesuai dengan konsep ‘Rumahku Syurgaku’

**Gardening Consultancy** adalah sebuah perniagaan yang menyediakan perkhidmatan perundingan penghijauan, taman bunga di halaman rumah berserta binaan batu sebagai perhiasan yang tertumpu terutamanya di taman-taman perumahan. Perniagaan ini mempunyai prospek yang luas dan potensi untuk berkembang. Ini juga selaras dengan kehendak kerajaan yang mahukan kehijauan dikekalkan terutamanya terhadap pemuliharaan alam sekitar. Kami juga yakin bahawa perniagaan yang kami cadangkan ini berdaya maju dan iaanya merupakan salah satu cara untuk mendisiplinkan diri untuk memelihara alam sekitar.

Walaupun perniagaan ini mempunyai persaingan namun itu adalah lumrah dan adat berniaga yang harus ditempuhi kelak. Sebagai seorang usahawan kami bersifat innovatif dan sanggup mengalami risiko jika kami mengalami kerugian sekalipun kerana tumbuhan perlu dalam keselesaan hidup kita.

*Gardening Consultancy*

Dengan itu kami sebagai bumiputra berwawasan mengambil inisiatif untuk cuba mengekalkan kualiti perkhidmatan di samping keunikan yang tersendiri. Moga-moga perniagaan ini akan berjalan lancar dan diredhai olehNya. Insyaallah.